**SOALAN NO. 18**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT**
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,**
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI [ TUMPAT ]**

**TARIKH : 10 JULAI 2019**

**SOALAN**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [ Tumpat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menyemak semula skim gaji penjawat awam terutamanya insentif kenaikan gaji tahunan bagi kumpulan berpendapatan rendah sejajar dengan kos sara hidup yang kian meningkat.

**JAWAPAN: YB DATUK WIRA DR. MD FARID BIN MD RAFIK**
**TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, prinsip penetapan Kenaikan Gaji Tahunan (KGT) anggota perkhidmatan awam adalah berasaskan kadar upah untuk kerja yang mana ia berkait dengan kompleksiti dan fungsi tugas sesuatu gred jawatan. Semakin tinggi sesuatu gred jawatan, semakin tinggi kompleksiti tugasnya. Pemberian sesuatu KGT juga bergantung kepadasyarat-syarat yang ditetapkan serta penilaian prestasi seperti Laporan Nilaian Prestasi Tahunan (LNPT) atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang ditetapkan pada setiap tahun.

Justeru, sebarang semakan semula Kadar KGT penjawat awam haruslah dilihat secara menyeluruh. Ini termasuklah semakan terhadap skop tugas

pegawai setiap gred jawatan dan juga kaedah pengukuran prestasi agar ia seiring dengan peningkatan tahap produktiviti. Pada masa ini penjawat awam bagi Kumpulan Pelaksana dan Kumpulan Pengurusan dan Profesional menerima KGT antara RM80 hingga RM400 setahun mengikut gred masing-masing. Kerajaan berpandangan bahawa kadar KGT sedia ada masih kompetitif. Dalam hal ini, Kerajaan menjalankan kajian penambahbaikan terhadap pakej saraan sedia ada dari semasa ke semasa dan akan dibawa untuk pertimbangan Kerajaan untuk kelulusan sekiranya bersesuaian tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan.

Walau bagaimanapun, Kerajaan sentiasa prihatin dengan kebajikan penjawat awam khususnya dalam usaha meringankan bebanan kos sara hidup. Dalam hal ini, penjawat awam diberi Bantuan Sara Hidup (BSH) yang diberi dalam bentuk bayaran bulanan berdasarkan lokasi tempat kerja pegawai. Selain itu, sempena sambutan Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini Kerajaan juga telah meluluskan pemberian Bantuan Khas Kewangan 2019 sebanyak RM450 kepada semua penjawat awam Gred 56 dan ke bawah yang juga turut dipanjangkan kepada semua pesara Kerajaan iaitu sebanyak RM225.

Sekian, terima kasih.